

**KESAN INTERVENSI PEKERJA SOSIAL KE ATAS DINAMIK  
KELOMPOK MASYARAKAT : KES RANCANGAN PEMBASMIAN  
KEMISKINAN DI JAWA BARAT, INDONESIA**

**ADI FAHRUDIN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
1996**

**KESAN INTERVENSI PEKERJA SOSIAL KE ATAS DINAMIK  
KELOMPOK MASYARAKAT : KES RANCANGAN PEMBASMIAN  
KEMISKINAN DI JAWA BARAT, INDONESIA**

**Oleh**

**ADI FAHRUDIN**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan  
bagi Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan**

**Februari 1996**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, akhirnya kajian ini selesai juga dengan segala kekurangan dan kelebihanannya. Kajian ini tak mungkin terlaksana tanpa sokongan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh penyelia-penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr.Muhammad Syukri Salleh dan Dr.Mubarak Ali. Selaku penyelia utama, Profesor Madya Dr.Muhammad Syukri Salleh telah membuktikan bahawa istilah "guru" mempunyai makna yang universal. Selama masa penyeliaan yang panjang, beliau telah berbalk hati dengan kesabaran, pengertian dan bantuannya sebagaimana dia menuntut tercapainya kematangan akademik dan sekaligus peribadi pelajarinya. Saya juga telah memperoleh masukan yang sangat berharga dari Dr.Mubarak Ali mengenai berbagai kaedah kajian dan pendekatan kerja sosial yang dapat pengkaji pergunakan pada masa mendatang.

Kepada Profesor Johan Saravanamutu Abdullah,  
Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Pengerusi

dan Pensyarah Bahagian Kerja Sosial, seluruh staf pentadbiran dan akademik PPSK, Profesor MahIndor Santokh Singh, Dekan Institut Pengajian Siswazah dan seluruh staf di Institut Pengajian Siswazah yang telah memberikan bantuan dan kemudahan kepada pengkaji, diucapkan terima kasih.

Kajian Ini juga dimungkinkan berkat bantuan dari beberapa pihak di antaranya; Ibu Endang Kusuma Inten Suweno, Menteri Sosial Republik Indonesia dan Bapak Drs.K.Suhendra,SH.MSi, Direktur Sekolah Tinggi Kesejahteraan Sosial Bandung yang telah memberi izin belajar, sokongan moral dan tambahan biaya untuk kajian ini. Begitu pula Pemerintah Daerah Tingkat I dan Jabatan Kementerian Sosial Jawa Barat yang telah memberikan rekomendasi dan izin melakukan kajian. Kepada Bapak Dr.Irawan Suhartono dan Ibu Carolina Nitimihardjo, MSc. yang telah menyemak soal selidik bagi keperluan "face validity", beberapa mahasiswa yang terlibat dalam kerja lapangan khususnya saudara Dedi Suprihadi disampaikan terima kasih.

Kesediaan Dr.Ismail Baba dan Dr.Osman Mohd.Yussof meluangkan masa berbincang mengenai pelbagai pendekatan kerja sosial semasa dan kaedah ujian statistik telah menambah wawasan pengkaji untuk mengembangkan lebih lanjut pada masa akan datang. Saya juga terhutang budi dengan rakan-rakan siswazah saya; Asmuni, Fatwa, Nizam, Punitha Arjun, Oei Siu Moey, Amna Md.Noor, dan Fauzia yang turut memberi bantuan, sokongan dan kritik sepanjang pengajian saya di Universiti Sains Malaysia.

Kesediaan masyarakat dan para kepala kampung memberi kerjasama selama kerja lapangan merupakan bantuan yang amat berharga. Begitu juga dengan banyak pihak yang tidak dapat disebutkan satu persatu yang telah memberi sokongan ketika kerja lapangan untuk tesis ini dijalankan. Akhirnya harus diakui bahawa kajian ini tidak mungkin berjalan lancar tanpa adanya kasih sayang dan sokongan keluarga yang beruntung saya perolehi. Isteri saya Husmiati, tidak pernah ragu berkorban dengan caranya demi menunjang kemajuan pelajaran saya. Putera kami, Fahmi Ilman Fahrudin, telah menjadi sumber

inspirasi dan pendorong untuk menyelesaikan tugas ini. Sejak berusia 6 bulan dalam kandungan ibunya sehingga hari ini ia telah kehilangan kesempatan bermanja dengan saya sebagai ayahnya. Insya Allah keadaan ini dapat ia fahami kelak.

Perkenankan saya mengakhiri penghargaan ini dengan mengutip sebuah pepatah Melayu yang sangat mendalam maknanya. "Hutang Emas Boleh Dibayar, Hutang Budi Dibawa Mati". Semoga Allah SWT memberi balasan yang sesuai dengan amal yang kita kerjakan. Amin.

Pulau Pinang, Februari 1996

## KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	xiii

### Bab 1 : PENGENALAN

1.1 Latarbelakang Masalah.....	1
1.2 Pernyataan Masalah.....	8
1.3 Objektif Kajian.....	11
1.4 Kesignifikanan Kajian.....	12
1.5 Skop dan Batasan Kajian.....	14
1.6 Susunan Bab-bab Kajian.....	17

### Bab 2 : TINJAUAN BAHAN BACAAN YANG BERKAITAN

2.1 Paradigma Pembangunan.....	19
2.2 Kemiskinan dan Hal Ehwal Kemiskinan.....	26
2.3 Kemiskinan dan Strategi Pembangunan di Indonesia.....	33
2.4 Rancangan Khusus Pembasmian Kemiskinan.....	39

2.5 Kelompok dan Peranannya Dalam	
Pembangunan.....	43
2.6 Intervensi Kerja Sosial Ke Atas Kelompok	
Masyarakat .....	46
2.7 Petunjuk-Petunjuk Dinamik Kelompok	
Masyarakat.....	56

### **Bab 3 : KAEDAH KAJIAN**

3.1 Kerangka Analisis Kajian.....	59
3.2 Hipotesis Kajian.....	60
3.3 Definisi Konsep-Konsep Operasional.....	63
3.4 Kaedah dan Rekabentuk Kajian.....	68
3.5 Pemilihan Kawasan Kajian.....	72
3.6 Unit Analisis dan Cara Penentuan	
Subjek Kajian.....	74
3.7 Alat Ukur, Kesahihan dan Kebolehpercayaan.....	77
3.8 Analisis Data.....	79

### **Bab 4 : PENEMUAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

4.1 Hasil Kesahihan dan Kebolehpercayaan.....	81
4.1.1 Hasil Uji Kesahihan.....	81

4.1.2 Hasil Uji Kebolehpercayaan.....	82
4.2 Data Karakteristik Responden.....	83
4.3 Pengujian Hipotesis.....	87
4.4 Hipotesis Yang Tidak Dirumuskan.....	93
4.5 Perbincangan Kajian.....	95
<b>Bab 5 : IMPLIKASI, REKOMENDASI DAN RUMUSAN KAJIAN</b>	
5.1 Implikasi Kajian.....	123
5.2 Rekomendasi Kajian Mendatang.....	128
5.3 Kelemahan Kajian.....	131
5.4 Rumusan Hasil Kajian.....	133
<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	<b>136</b>
<b>LAMPIRAN</b>	
Lampiran A Hasil Pengujian Hipotesis.....	148
Lampiran B Soal Selidik.....	155
Lampiran C Izin Melakukan Kajian.....	167
<b>VITA .....</b>	<b>170</b>

## ABSTRAK

Kajian ini mengenai kesan intervensi pekerja sosial ke atas dinamik kelompok masyarakat, kes kelompok sasaran rancangan pembasmian kemiskinan. Kajian dilakukan di Jawa Barat, Indonesia pada bulan Mei sampai Ogos 1995. Kajian ini bertujuan; (i) untuk memahami kesan intervensi pekerja sosial ke atas dinamik kelompok masyarakat, (ii) untuk mengenal pasti petunjuk-petunjuk yang boleh digunakan dalam menjelaskan dinamik kelompok masyarakat, dan (iii) untuk menilai dinamik kelompok masyarakat yang telah memperoleh intervensi pekerja sosial (kelompok ujikaji) dan kelompok masyarakat yang tidak memperoleh intervensi pekerja sosial (kelompok kawalan).

Pentingnya kajian ini adalah kerana ia dapat memberi gambaran mengenai keberkesanan intervensi pekerja sosial ke atas masalah yang dihadapi masyarakat lapisan bawahan dan juga dapat memberi panduan kepada pembuat dasar tempatan dan atau di Indonesia dalam bekerja dengan kelompok-kelompok sasaran dari suatu rancangan pembangunan.

Kajian ini merupakan kajian penilaian menggunakan kaedah pra ujikaji dan rekabentuk kajiannya iaitu perbandingan kelompok statik. Terdapat 84 kelompok ujikaji dan 84 kelompok kawalan yang dianalisis. Kerana kerangka persampelannya telah diketahui maka kaedah persampelan rawak mudah digunakan untuk memilih responden kajian. Séramai 252 orang anggota kelompok ujikaji dan 252 orang anggota kelompok kawalan dijadikan responden kajian bagi data primer. Data sekunder diperoleh dari pekerja sosial yang menjadi pembimbing kelompok. Kajian ini menggunakan analisis kuantitatif berupa ujian statistik seperti distribusi frekuensi, min, sisihan piawai, ujian t dan ujian U Mann Whitney dengan bantuan program komputer Microstat.

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kelompok ujikaji dan kelompok kawalan dalam hal dinamik kelompok. Di samping itu pula, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam hal petunjuk-petunjuk dinamik kelompok iaitu kejelasan dan kesesuaian tujuan, kecekapan sistem hubungan dalam kelompok, kesepaduan kelompok, berdikari kelompok, pelaksanaan fungsi-tugas kelompok dan partisipasi

kelompok antara dua kelompok yang dijadikan unit analisis dalam kajian ini.

Kajian ini juga mendapati hipotesis yang tidak dirumuskan sebelumnya. Berdasarkan hasil analisis didapati bahawa tidak ada perbezaan persepsi antara pekerja sosial dan kelompok ujikaji terhadap dinamik kelompok. Namun demikian terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap keupayaan pekerja sosial sebagai pembimbing kelompok antara pekerja sosial dan kelompok ujikaji.

**THE EFFECTS OF SOCIAL WORKERS' INTERVENTION IN THE  
DYNAMICS OF COMMUNITY GROUPS : THE CASE OF POVERTY  
ERADICATION PROGRAMME IN WEST JAVA, INDONESIA**

**ABSTRACT**

This study is about the effects of social workers' intervention in the dynamics of community groups, the case of target group of poverty eradication programme. The study was conducted in West Java, Indonesia from May to August 1995. The aims of the study were; (i) to understand the effects of social workers' intervention in the dynamic of community groups, (ii) to identify indicators could be used to describe the dynamic of community groups, and (iii) to evaluate the dynamics of community groups which received social workers' intervention (experimental group) and to compare it with the community group which did not receive any social workers' intervention (control group).

The significance of the study is that it indicates the effectiveness of social workers' intervention on the problems of grassroots communities, and it can provide guidelines to

social policy makers in this region and/or in Indonesia in working with target groups of development programmes.

The research was an evaluation research, using a pre-experimental method and static group comparison design, with the group as its unit of analysis. 84 experimental groups and 84 control groups were analysed. Since the frame of the sampling was known, the simple random sampling technique was used to select the respondents. 252 members of the experimental groups and 252 members of the control groups were used as the respondents for primary data. Secondary data were obtained from social workers who were the groups guides. Quantitative analysis was done by means of statistical tests such as frequency distribution, mean, standard deviation, t - test, and U Mann Whitney test with the aid of Microstat computer software.

The result of the study indicates that there are significant differences between the experimental and control groups in terms of its group dynamic levels. Besides that, the result reveals significant differences in the dynamic indicators of community groups, such as the clarification and

appropriateness of the goals, the efficiency of relationship system within groups, group cohesiveness, group self reliance, performance of group task-function, and group participation between two groups which have been used as units of analysis for this study.

This study has also discovered an unhypothesized generalization that there was no significant difference on the perception of social workers and the experimental group in relation to group dynamics. But, there was a significant difference in perception in relation to social workers' ability as a group guide between social workers' and experimental group.

# BAB I

## Pengenalan

### 1.1 Latarbelakang Masalah

Kemiskinan merupakan satu aspek yang menjadi perhatian penting dalam perbincangan tentang pembangunan. Pelbagai perancangan dan pelaksanaan telah dilaksanakan untuk membasminya. Antara perancangan dan pelaksanaan itu termasuklah pembangunan komuniti, revolusi hijau, dan pembangunan luar bandar berhaluan kemiskinan (Abdullah, 1989). Rancangan-rancangan itu walau bagaimanapun ternyata belum juga mampu menurunkan jumlah penduduk miskin. Oleh kerana itu terdapat kecenderungan di beberapa negara membangun untuk merumuskan penyebab dan solusi terhadap masalah kemiskinan yang sesuai dengan keadaan negara berkenaan. Bangladesh dengan sokongan Grameen Bank melakukan percubaan dengan memberikan kredit kepada petani miskin dan wanita di pedesaan (Oakley, 1991). Nepal melalui projek "Small Farmer Development Programme (SFDP)" bertujuan untuk meningkatkan tahap

pendapatan dan standard hidup desa miskin mendorong berkembangnya partisipasi dan berdikari serta menerima perkhidmatan pemerintah untuk memenuhi keperluan di pedesaan miskin (Oakley, 1991 ). Begitu juga dengan India melalui "Panchayat"nya (Jain, Krisnamurthi & Tripathi, 1985). Ghana dengan "People's Participation Project" nya (Oakley), Lesotho dengan "The Khomokhoana Project" (Oakley), Philipina dengan "SARILAKAS" (Oakley). Korea dengan Saemaul Undong (Goulet, 1989). Malaysia dengan Projek "Amanah Ikhitiar Malaysia" (Bamberger & Shams, 1989) dan Indonesia dengan Program "Inpres Desa Tertinggal" (Badan Perencanaan Pembangunan Nasional [BAPPENAS], 1993). Berasaskan dari keberhasilan dan kegagalan pencapaian rancangan-rancangan pembasmian kemiskinan tersebut di atas, terdapat satu pelajaran penting dari masalah kemiskinan ini, iaitu banyaknya faktor yang saling berkaitan sehingga penurunan jumlah penduduk miskin belum berkesan. Menurut Kieffer (1984), oleh kerana perkaitan ini, orang-orang miskin telah kehilangan kekuatan diri untuk keluar dari masalah mereka (powerlessness). Dengan kehilangan kekuatan dirinya itu, mereka cenderung pasrah menerima suatu keadaan yang dikatakan miskin. Selain dari itu, kemiskinan juga telah

menurunkan kualiti dan melemahkan semangat serta kemampuan seseorang atau masyarakat berkenaan (Bryant & White, 1982). Oleh kerana itu, adalah perlu usaha yang saksama dan berterusan untuk mengangkat semangat orang miskin serta menggerakkan mereka untuk lepas dari keadaannya itu.

Tetapi siapakah yang harus memulai melakukan usaha ini ? Ramai sarjana yang mengatakan bahawa orang miskin sendirilah yang harus menolong diri mereka sendiri (Chambers, 1983). Namun begitu, banyak kajian telah menunjukkan bahawa mereka seringkali tidak dapat melakukannya akibat kelemahan-kelemahan yang mereka miliki. Hasil kajian Asher (1962) misalnya mendapati bahawa orang miskin tidak segera mampu menunjukkan inisiatif yang bererti. Ketiadaan inisiatif ini menyebabkan partisipasi dalam usaha memperbaiki diri mereka kurang memadai. Menurut Midgley (1986) pula, masyarakat miskin mempunyai potensi yang sangat kecil untuk berpartisipasi dalam pembangunan sekalipun program atau projek pembangunan tersebut diperuntukkan khas kepada mereka.

Oleh sebab itu Bryant dan White (1982) memandang bahawa inisiatif dan partisipasi masyarakat miskin dalam program pembangunan perlu digerakkan terlebih dahulu oleh orang luar. Kieffer (1984) juga berpendapat bahawa kehadiran orang luar yang berperanan sebagai agen pengubah sangat diperlukan untuk membangunkan kekuatan diri orang miskin (empowerment). Agen pengubah perlu mengambil inisiatif dan masyarakat yang berkenaan diminta dan/atau diberi kesempatan untuk terlibat.

Menurut pandangan ini, inisiatif untuk membantu mereka agar mampu menolong diri mereka sendiri adalah terletak di tangan orang luar yang memiliki kekuatan serta sumber-sumber yang lebih besar. Kebanyakan orang luar ini bukan masyarakat desa atau orang miskin itu sendiri. Chambers (1983) mengesahkan perkara ini dengan berkata :

But who should act ? The poorer rural people, it is said, must help themselves; but this, trapped as they are, they often cannot do. The initiative, in enabling them better to help themselves, lies with outsider who have more power and resources and most of whom are neither rural nor poor (muka surat.3).

Ramai berpendapat bahawa pihak luar yang berkuasa dan mempunyai sumber serta harus mengambil inisiatif itu ialah pemerintah itu sendiri (Hanson, 1966). Tetapi inisiatif pemerintah sepatutnya pula tidak mematikan inisiatif dan partisipasi masyarakat miskin itu. Oleh sebab itu pemerintah harus memberikan banyak pilihan supaya mereka tidak merasa terpaksa. Kebebasan memilih dan membuat keputusan merupakan kemampuan mereka yang pertama untuk berpartisipasi. Kesediaan orang-orang miskin untuk berpartisipasi merupakan tanda adanya keinginan dan kemampuan mereka untuk berkembang secara berdikari. Untuk dapat menggerakkan partisipasi masyarakat miskin, pemerintah harus menyesuaikan program-program yang hendak dijalankan dengan keperluan sebenar masyarakat berkenaan (Cary,1970; Sulaiman,1985).

Dalam kes Indonesia, khasnya selepas kemerdekaan, inisiatif pembangunan lebih banyak dilakukan oleh pemerintah, yang pelaksanaannya dijalankan bersama-sama dengan masyarakat (Kayam, 1965). Hal ini berlangsung sehingga kini. Pemerintah lebih banyak mengambil inisiatif dalam pembangunan dengan tujuan meningkatkan taraf

kesejahteraan rakyat dan mengurangi jumlah penduduk miskin (Hardjono, 1983).

Instruksi Presiden Nombor 5 Tahun 1993 tentang Peningkatan Penanggulangan Kemiskinan yang lebih dikenali dengan nama Program Inpres Desa Tertinggal merupakan salah satu contoh inisiatif pemerintah untuk menurunkan paras kemiskinan (BAPPENAS,1993). Ia merupakan satu program yang bertujuan mengatasi masalah kemiskinan melalui partisipasi masyarakat itu sendiri. Partisipasi tersebut diwujudkan dalam kumpulan sasaran program Inpres Desa Tertinggal. Kumpulan sasaran itu dinamakan Kelompok Masyarakat (Community Groups). Kelompok ini dalam kenyataannya tidak dibentuk sendiri oleh orang miskin berkenaan. Ia terbentuk kerana campur tangan orang luar kelompok masyarakat miskin (pegawai pemerintah termasuk pekerja sosial) dalam usaha membantu mereka mengatasi masalah kemiskinan mereka.

Pemanfaatan kelompok masyarakat dalam program pembasmian kemiskinan di Indonesia ini boleh dipandang sebagai suatu pendekatan penyertaan masyarakat lapisan

bawahan (grassroots participatory approach). Dengan pendekatan lapisan bawahan masyarakat, pembasmian kemiskinan yang dialami kelompok masyarakat berkenaan diharap dapat dilaksanakan sesuai dengan budaya dan nilai-nilai setempat (Salleh, 1992). Sehubungan dengan ini, persoalan paling utama yang perlu ditekankan ialah bagaimana melahirkan kelompok yang dinamik yang boleh berpartisipasi dalam pelbagai program pembangunan yang dikenakan ke atas mereka.

Pada kenyataannya, banyak kajian menyimpulkan bahawa kelompok orang miskin sukar tumbuh dan jarang berkembang menjadi kelompok yang dinamik (Korten, 1980). Maksud kelompok yang dinamik disini ialah kelompok yang memiliki kekuatan dalaman dan luaran. Menurut Slamet (1978), dinamik dalaman kelompok (internal group dynamic) mestilah melibatkan kejelasan dan kesesuaian tujuan kelompok, pengaturan sistem hubungan dalam kelompok, dan kesepaduan kelompok dalam menjalankan aktiviti. Sementara itu dinamik luaran kelompok (external group dynamic) pula ditentukan oleh tahap berdikari kelompok (group self reliance), pelaksanaan fungsi dan tugas kelompok dan partisipasi kelompok dalam

program/projek yang diberikan kepada mereka. Dinamik kelompok yang dibangun orang luar tersebut diharap dapat meneruskan kedinamikan kelompoknya (continual group dynamic) dan bukan dinamik yang "semu" (Oakley, 1991).

Oleh kerana kelompok orang miskin ini sengaja dibentuk melalui campur tangan orang luar maka menurut Khausal (1975), ianya perlu dibangun dan dikembangkan sehingga tahap dinamikinya dicapai. Dalam hal ini campur tangan orang luar sama ada yang berasal dari pemerintah melalui tenaga profesionalnya, atau dari kelompok politik atau pun dari pertubuhan bukan kerajaan (NGO's) dijangka boleh mendorong dinamik kelompok orang miskin tersebut.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Di Indonesia, antara orang luar yang mewakili pemerintah dalam melahirkan kedinamikan kelompok orang miskin khususnya dalam rancangan pembasmian kemiskinan (Program Inpres Desa Tertinggal) ialah pekerja sosial. Meskipun sebenarnya masalah kemiskinan memperoleh tempat khusus dalam sejarah perkembangan kerja sosial, namun

penglibatan kerja sosial dan pekerja sosial dalam masalah kemiskinan dan kemunduran terutama di negara Dunia Ketiga belum boleh dibanggakan ( Midgley, 1981).

Pekerja sosial di negara Dunia Ketiga seperti di Indonesia selama ini lebih banyak bekerja sebagai pekerja kes di berbagai agensi kebajikan milik pemerintah dan swasta (Fahrudin, perbincangan pribadi dengan Suhartono, 20 Mei 1995). Padahal semestinya pekerja sosial di negara Dunia Ketiga mengarahkan perhatian lebih kepada masalah yang menyangkut orang ramai seperti kemiskinan daripada hanya tertumpu kepada masalah-masalah individu (Lockhead, 1964 ; Thomas, 1965). Oleh sebab itu kemahuan politik (political will) pemerintah Indonesia dengan menyertakan pekerja sosial untuk membimbing kelompok orang miskin dalam rancangan pembasmian kemiskinan dipandang sebagai kemajuan besar yang dicapai profesion kerja sosial di negara ini (Fahrudin, 1995).

Penyertaan pekerja sosial dalam rancangan pembasmian kemiskinan di Indonesia memang baru pada tahap intervensi mikro (micro intervention level). Dengan

tahap sebegini maka intervensi yang dilakukan pekerja sosial bersifat langsung kepada kelompok orang miskin sasaran rancangan pembasmian kemiskinan (direct intervention). Intervensi yang dilakukan pekerja sosial tersebut menggunakan prosedur, kaedah, dan pendekatan kerja sosial. Matlamat yang ingin dicapai dari intervensi tersebut iaitu membangun dan meningkatkan dinamik kelompok masyarakat. Dinamik kelompok diharap memberi pengaruh terhadap pelaksanaan rancangan pembasmian kemiskinan dan pada akhirnya dapat meningkatkan taraf kesejahteraan sosial mereka (Departemen Sosial [DEPSOS], 1994).

Hal ini menjadi menarik kerana pekerja sosial sebagai 'orang luar' yang mewakili pemerintah bekerja dengan kelompok orang miskin tersebut. Persoalannya ialah adakah intervensi yang dilakukan pekerja sosial mencapai matlamat yang diharapkan iaitu mempunyai kesan ke atas dinamik kelompok orang miskin yang dibimbingnya? Sekiranya intervensi pekerja sosial mencapai matlamat tersebut maka kelompok seterusnya dapat berfungsi dan mencapai tujuan selari dengan tujuan rancangan pembasmian kemiskinan. Di samping itu, adakah kelompok yang memperoleh intervensi

pekerja sosial mempunyai dinamik kelompok yang lebih tinggi berbanding dinamik kelompok yang tidak memperoleh intervensi pekerja sosial ?, Adakah ianya memiliki perbezaan dalam aspek-aspek dinamik kelompok ?, Apakah cara atau kaedah intervensi kerja sosial yang digunakan dalam melahirkan kedinamikan kelompok ?. Persoalan-persoalan ini perlu dijawab. Berdasarkan hal itu adalah sangat menarik untuk mengkaji bagaimanakah kesan intervensi pekerja sosial ke atas dinamik kelompok masyarakat dalam rancangan pembasmian kemiskinan (Program Inpres Desa Tertinggal) di Indonesia ini.

### 1.3 Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini akan menumpukan kepada kesan intervensi pekerja sosial ke atas dinamik kelompok masyarakat khususnya di Jawa Barat, Indonesia. Kesan intervensi pekerja sosial dinilai dengan merujuk pada petunjuk-petunjuk dinamik kelompok masyarakat selepas memperoleh intervensi pekerja sosial. Dinamik kelompok ini akan dibandingkan dengan dinamik kelompok masyarakat yang tidak memperoleh intervensi pekerja sosial.

Secara lebih khusus, objektif kajian ini ialah seperti berikut:

- 1) Untuk memahami dan menilai kesan intervensi pekerja sosial ke atas kelompok dan dinamik kelompok masyarakat yang menjadi sasaran rancangan pembasmian kemiskinan di Jawa Barat, Indonesia.
- 2) Untuk mengenal pasti petunjuk-petunjuk yang boleh digunakan dalam menjelaskan dinamik kelompok masyarakat.
- 3) Untuk memperoleh perbandingan mengenai dinamik kelompok masyarakat yang memperoleh intervensi pekerja sosial dan dinamik kelompok masyarakat yang tidak memperoleh intervensi pekerja sosial.

#### 1.4 Kesignifikanan Kajian

Seperti kata Midgley (1981), tidak banyak kajian yang telah dijalankan mengenai keberkesanan intervensi pekerja sosial terhadap masalah-masalah tempatan. Kajian yang ada

seringkali pula tidak mengarah kepada pengembangan kerangka teori tempatan yang boleh digunakan dalam praktik kerja sosial. Oleh yang demikian, kajian seperti ini, terutamanya yang berasaskan kepada masalah tempatan perlu terus dilakukan untuk memastikan sama ada pendekatan dan kaedah kerja sosial yang digunakan sesuai dengan masalah yang dihadapi masyarakat. Seperti juga di Malaysia, kerja sosial di Indonesia belum berkembang seperti yang diharapkan. Oleh kerana itu, kajian yang dibuat terhadap keberkesanan intervensi kerja sosial apalagi yang berbentuk eksperimen lapangan adalah sangat kurang sekali. Kajian-kajian yang ada hanya tertumpu kepada survey mengenai sikap, persepsi, dan keberkesanan program perkhidmatan tertentu sahaja.

Oleh kerana itu kajian ini, meskipun berbentuk kajian pra ujikaji (pre-experiment), diharapkan boleh memberi gambaran tentang intervensi pekerja sosial ke atas kelompok sasaran rancangan pembasmian kemiskinan. Ianya juga diharapkan dapat memberi panduan kepada pembuat dasar tempatan atau di Indonesia dan mana-mana pihak dalam bekerja dengan kelompok masyarakat sasaran program-program

pembangunan tertentu yang dijalankan pemerintah baik di pusat mahupun di daerah.

Hasil kajian ini diharap dapat digunakan untuk melihat kesan intervensi pekerja sosial ke atas dinamik kelompok masyarakat. Selain itu juga, diharapkan ia akan memiliki implikasi bagi praktik kerja sosial, pendidikan kerja sosial dan dasar sosial pemerintah Indonesia tentang penyertaan pekerja sosial sebagai pendamping kelompok dalam rancangan pembasmian kemiskinan.

### 1.5 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini merupakan kajian evaluasi menggunakan kaedah pra ujikaji (pre experiment). Rekabentuk kajiannya ialah perbandingan kelompok statik (the static group comparison). Kajian ini akan melihat kesan pembolehkan bebas ke atas pembolehkan bersandar. Kajian ini terbatas sifatnya kerana hanya menilai hasil (outcome) suatu rawatan (treatment). Rawatan (treatment) tersebut iaitu intervensi pekerja sosial yang telah pun dijalankan oleh pihak lain sehingga kajian ini tidak melihat

perbandingan sebelum intervensi dan selepas intervensi dijalankan pada satu jenis kelompok sahaja. Ia hanya menilai satu jenis kelompok selepas intervensi dijalankan lalu membandingkan dengan satu jenis kelompok lain yang tidak menerima intervensi. Oleh kerana itu hasil kajian ini tidak dapat dijadikan kesimpulan umum (generalisasi) melainkan terbatas kepada subjek kajian sahaja.

Tidak disangsikan lagi terdapat banyak faktor untuk menyiasat dinamik suatu kelompok masyarakat. Namun begitu sesuai dengan rekabentuk kajian ini, intervensi pekerja sosial adalah merupakan pembolehubah bebas yang mempengaruhi dinamik kelompok masyarakat (pembolehubah bersandar). Dengan demikian ia mengeneipkan pengaruh pembolehubah-pembolehubah lain. Berdasarkan hal itu, kajian ini bermaksud mencari hubungan sebab-akibat (kausal).

Kajian ini pula dijalankan dengan mengambil kira had-had kajian berikut :

1) Kajian ini menggunakan unit analisis iaitu kelompok.

Kajian ini hanya melibatkan kelompok masyarakat di

84 desa miskin yang dijadikan "pilot project" penyertaan pekerja sosial dalam rancangan pembasmian kemiskinan (kelompok ujikaji) dan kelompok masyarakat di 84 desa miskin yang tidak dijadikan "pilot project" penyertaan pekerja sosial dalam rancangan pembasmian kemiskinan (kelompok kawalan). Kedua-dua jenis kelompok ini bagaimanapun berada di desa miskin yang masih bercorak "rural village". Oleh kerana itu kajian ini barangkali kurang mewakili kelompok-kelompok masyarakat lain khasnya kelompok masyarakat di desa-desa miskin yang bercorak perkotaan (urban village).

- 2) Pemilihan responden mempertimbangkan homogeniti sehingga setiap kelompok hanya dipilih 3 orang anggota kelompok sahaja. Pemilihan ini pula dilakukan secara rawak (random).
- 3) Alat ukur yang digunakan kajian ini bukan merupakan alat ukur yang telah teruji secara empirikal, melainkan alat ukur yang sengaja pengkaji susun berdasarkan keperluan kajian ini.

## 1.6 Susunan Bab-Bab Kajian

Keseluruhan kandungan kajian ini mengandungi lima bab.

Bab pertama membincangkan rangka kajian yang meliputi latarbelakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, kesignifikanan kajian, skop dan batasan kajian, dan susunan bab-bab kajian. Bab dua membincangkan tinjauan bahan bacaan yang berkaitan mengenai paradigma pembangunan, kemiskinan dan hal-ehwal kemiskinan, kemiskinan dan strategi pembasmian kemiskinan di Indonesia, intervensi kerja sosial ke atas kelompok masyarakat, dan petunjuk-petunjuk dinamik kelompok masyarakat.

Bab tiga iaitu kaedah kajian yang membincangkan kerangka analisis kajian, hipotesis kajian, definisi konsep-konsep operasional, kaedah dan rekabentuk kajian, pemilihan kawasan kajian, cara pemilihan subjek kajian, alat ukur, kesahan dan kebolehpercayaan, dan analisis data. Bab empat membincangkan penemuan dan perbincangan kajian yang diawali dengan hasil kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur, data karakteristik responden kajian, pengujian hipotesis

kajian, pengujian hipotesis yang tidak dirumuskan sebelumnya dan perbincangan kajian. Pada Bab terakhir dibincangkan implikasi kajian, dan rekomendasi kajian mendatang, kelemahan kajian dan rumusan hasil kajian.

## BAB II

### TINJAUAN BAHAN BACAAN YANG BERKAITAN

#### 2.1 Paradigma Pembangunan

Pembangunan sebagai satu kegiatan yang terancang semakin menonjol sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua. Dengan merdekanya bangsa-bangsa yang sebelumnya dijajah oleh negara-negara kolonial, pembangunan telah menjadi semakin penting dalam usaha negara-negara berkenaan memperbaiki nasib dan membangunkan satu orde kehidupan negara dan rakyat. Antara lain, ahli-ahli ekonomi Barat terutama menyaran agar negara-negara yang baru merdeka tadi harus dibebaskan daripada lingkaran kemiskinan. Untuk keluar dari lingkaran itu, negara-negara ini dikatakan memerlukan wang dan pengetahuan untuk melaksanakan rancangan pembangunan. Sejak itulah berkembangnya berbagai rancangan pembangunan yang menjadi pegangan negara-negara baru merdeka tersebut, yang pada pokoknya mempunyai satu tujuan, yakni mengejar ketinggalan daripada negara-negara maju secepatnya dan mencapai kemakmuran segera mungkin melalui

pembangunan ekonomi ( Adnan & Nasution, 1992).

Para pemikir pembangunan ketika itu, seolah-olah begitu yakin bahawa masa ketertinggalan yang dialami negara-negara miskin boleh diatasi dengan penerapan (yang lebih kurang secara mekanistik) sistem ekonomi dan politik yang ada di Barat ke negara-negara Dunia Ketiga (Servaes, 1986). Andaian ketika itu ialah jika pendapatan per kapita berjaya ditingkatkan maka masyarakat ataupun bangsa yang berkenaan akan dengan sendirinya pula berjaya dipindahkan dari tahap kurang maju ke tahap maju. Tingkat pendapatan nasional yang tinggi menghasilkan pula tingkat tabungan yang tinggi, dan seterusnya pertumbuhan ekonomi yang cepat (Higgin, 1984).

Banyak negara-negara baru yang melaksanakan sepenuhnya konsep pembangunan di atas menjadi kecewa kerana tidak tercapai seperti yang diharapkan. Kenyataan menunjukkan memang terjadi peningkatan pertumbuhan ekonomi secara berkesan namun pada masa yang sama pula disedari bahawa "pembangunan" yang diukur dengan

peningkatan keluaran negara kasar (KNK) saja tidak merangkumi kehidupan orang-orang biasa, dalam erti kata tersedianya peluang pekerjaan, pengagihan pendapatan, dan penghapusan kemiskinan secara menyeluruh.

Kenyataan-kenyataan tersebutlah memunculkan satu andaian yang tidak pernah diungkapkan bahawa pengurangan ketidakmerataan seharusnya menjadi salah satu tujuan utama dasar pembangunan (Conyer, 1984). Menurut Mehmet (1978), proses pertumbuhan ekonomi yang memperburuk ketidakmerataan sosial dan ekonomi adalah elitis dan tidak dapat dipertanggungjawabkan secara moral. Pertumbuhan tanpa agihan adalah bertentangan dengan cita-cita masyarakat dan pengagihan keadilan yang lebih luas daripada konsep-konsep keadilan hukum dan politik.

Salah seorang pemikir yang pertama kali membela pemikiran paradigma baru pembangunan adalah Seers (1979) yang mengatakan sebagai berikut:

The questions to ask about a country's development are therefore: What has been happening to poverty? What has been happening to unemployment? What has been happening to

inequality? If all three of these have declined from high levels, then beyond doubt this has been a period of development for the country concerned. If one or two of these central problems have been growing worse, especially if all three have, it would be strange to call the result 'development' even if per capita income doubled (muka surat. 3).

Paradigma baru pembangunan melahirkan model pengagihan sosial sebagai kesedaran akan keadaan pinggiran yang dihasilkan oleh konsep pembangunan dengan pertumbuhan. Yang menjadi masalah dalam paradigma baru pembangunan ini sebenarnya bukan terletak pada kuantiti pertumbuhan ekonomi (seperti yang diukur dengan peratusan tingkat pertumbuhan per tahun), tetapi pada mutu proses pencapaian pertumbuhan itu sendiri. Dalam praktiknya paradigma baru ini mengakui bahawa pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial harus saling melengkapi.

Namun begitu, ada beberapa pemikir yang tidak berpuas hati dengan paradigma pembangunan ini. Oleh kerana itu mereka menawarkan pemikiran baru yang dikenali sebagai "pembangunan yang lain" (another development). Termasuk dalam kategori ini ialah Bennet (1977), Todaro (1977), Chapel (1980), Galtung (1980), Rist

(1980), dan Peroux (1983), yang ingin menyempurnakan konsep-konsep pembangunan yang telah ada sebelum ini. Idea utama "pembangunan yang lain" adalah bahawa tidak ada satu jalur tunggal yang universal dalam melaksanakan pembangunan. Menurut konsep ini pembangunan harus difahami sebagai suatu proses yang integral, multidimensi, dan dialektis, yang dapat berbeza dari satu negara ke negara lain. Setiap negara dan masyarakat harus menemukan strategi pembangunannya sendiri.

Sementara itu terdapat sejumlah pemikir pembangunan dalam Persidangan di Houston pada tahun 1977 yang telah pula menawarkan satu lagi strategi pembangunan yang dipanggil "strategi baru pembangunan" (Hill,1979). Diantara mereka itu ialah Seers, Streeten, Cardoso dan Hirschman yang mengkritik teori tinggal landas (take off) dari Rostow, atau tabungan dan industrialisasi Nurkse. Pandangan Streeten (1979) tentang strategi baru bagi masa depan pembangunan merupakan ringkasan pemikiran rakan-rakan seilirannya, iaitu penegasan tentang:(a) pendekatan keperluan dasar (basic need approach) untuk majoriti kaum miskin

melalui peningkatan perkhidmatan sosial, (b) penekanan pada pengagihan pertumbuhan sebagai pertanda pembangunan, (c) pertanian sebagai sektor keutamaan ekonomi dan pemberian kredit, maklumat, input, dan kemudahan pasaran bagi kaum miskin, (d) teknologi padat karya dan tepat guna lainnya, (e) penekanan pada aspek sosial dan politik, sekaligus ekonomi dan pembangunan.

Selain dari teori dan strategi-strategi pembangunan yang telah dibincangkan, ada satu aliran yang muncul trend sejak awal tahun 1970-an ke arah mengambil kira pembangunan dari persepsi agama. Dengan kebangkitan Islam dalam tahun-tahun berkenaan, individu-individu, kumpulan-kumpulan dan beberapa negara yang majoriti penduduknya beragama Islam telah mula memberi perhatian dan ada pula yang telah melaksanakannya sebagai bahagian integral dalam paradigma pembangunan nasional negara berkenaan.

Pada prinsipnya Islam membenarkan pembangunan dan perubahan asal tidak bercanggah dengan ajarannya. Pembangunan dalam konsepsi Islam mengarah kepada